

25/09/1999

Kakitangan kerajaan perlu perubahan minda

Azhar Abu Samah

RAMAI pemimpin negara mengeluarkan kenyataan kakitangan kerajaan bebas membuat pilihan pada pilihan raya akan datang, tetapi perlu setia kepada kerajaan yang dipilih untuk memerintah negara.

Terbaru, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membuat gesaan sama di Kangar pada 21 September lalu ketika menghadiri majlis jamuan makan tengah hari dengan pemimpin masyarakat, parti dan kakitangan kerajaan.

Namun, jika dilihat ketika ini, banyak kakitangan kerajaan, terutama guru yang kurang memahami kenyataan demi kenyataan yang sama dikeluarkan pemimpin negara. Walaupun bukan semua terbabit, tetapi ibarat pepatah Melayu, kerana kerbau seekor, semuanya terpalit lumpur.

Sindrom menghentam kerajaan dan propembangkang sekarang semakin ketara di kalangan guru, khususnya di Terengganu, malah ada yang berani melekatkan lambang parti pembangkang pada kereta mereka.

Kadang-kadang jika dinilai hujah mereka (guru) ketika berbual di warung kopi atau bertemu di kaki lima, kita seperti merasakan mereka ini bukan pendidik kerana rendahnya mentaliti mereka mengupas sesuatu isu.

Mereka ini melebihi pakar peramal seperti Alvin Toffler yang berhujah, sehingga tidak dapat diterima akal yang rasional, terutama membabitkan isu semasa membabitkan kes Datuk Seri Anwar Ibrahim. Ketika inilah mereka ibarat doktor pakar, tokoh politik tersohor dan tidak kurang seperti pakar perbankan.

Pengumuman kerajaan yang menyediakan kemudahan pinjaman membeli kenderaan dan pemulangan balik elaun khidmat awam yang dipotong serta elaun RM100 sebulan, bukan disambut baik dengan bersyukur, sebaliknya mereka cuba mengupas di sebalik pemberian kemudahan itu, termasuk mendakwa ia dibuat untuk memancing undi guru supaya menyokong kerajaan.

Ini adalah antara sikap dan tingkat profesionalisme guru yang ada di negeri ini, tidak termasuk guru kanan, penolong kanan dan pengetua kerana mereka juga memainkan peranan dalam membendung perlakuan antikerajaan dalam bilik guru di sekolah mereka.

Sikap suka membaca sememangnya digalakkan, termasuk membaca majalah atau akhbar di bilik guru ketika waktu rehat. Namun, adalah keterlaluan apabila akhbar milik parti pembangkang turut dijadikan bahan bacaan 'wajib' di bilik guru. Malah, guru yang membaca akhbar terbabit turut sama menghentam akhbar harian lain yang kononnya cuba menipu pembaca daripada keadaan sebenar, selain cuba meresapi 'mereka yang di atas pagar' supaya menyokong fahaman mereka yang bersimpati dengan parti pembangkang.

Ini bukan baru, namun sikap tidak prihatin Jabatan Pendidikan Negeri menyebabkan ia semakin berleluasa sehingga ada guru yang menjadi pengerusi sebuah forum parti pembangkang, beberapa bulan lalu secara terbuka memperkenalkan dirinya sebagai guru daripada sebuah sekolah tanpa takut dikenakan tindakan disiplin.

Menyedari sikap sedemikian, Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad ketika merasmikan Kursus Penerapan Budaya Cemerlang di Yayasan Terengganu, di sini minggu lalu, meminta kakitangan jabatan dan agensi kerajaan negeri meletak jawatan secara terhormat sekiranya tidak mampu menjalankan tugas bagi memenuhi dasar yang dijalankan kerajaan.

"Jawatan mereka boleh ditawarkan kepada orang lain yang jujur dan amanah serta bersedia berkhidmat dengan penuh dedikasi bagi memenuhi kehendak dasar dan pembangunan yang dirancang pemerintah," katanya.

Walau dalam keadaan apa sekali pun, kata beliau, budaya kerja cemerlang masih perlu diperjuangkan, apatah lagi dunia akan menghadapi alaf baru yang lebih mencabar.

Sambil menyelar kelompok terbabit, beliau berkata, kakitangan yang berpuas hati terhadap apa yang dilakukan selama ini, sebenarnya mereka tidak menyumbangkan apa-apa terhadap organisasi dan tidak berkongsi wawasan dengan jabatan masing-masing.

"Lebih menyedihkan, apabila tiba di peringkat yang lebih ekstrim, golongan ini menentang sebarang wawasan jabatan," katanya sambil menegaskan tidak ada yang lebih baik bagi umat Islam dalam menuju kecemerlangan melainkan memenuhi tuntutan ajaran Islam yang menggalakkan bekerja untuk kecemerlangan.

Baginya, kecemerlangan dalam kerjaya adalah budaya dianjurkan Islam yang mampu menghasilkan barisan pekerja bersemangat tinggi, bermotivasi dan mempunyai iltizam terhadap kerja.

Hakikatnya, perubahan minda dan pemikiran perlu ada pada kakitangan kerajaan di negeri ini dan memahami sebagai kakitangan kerajaan mereka perlu setia dengan pemerintah.

Seharusnya, pepatah Di Mana Bumi Dipijak, Di Situ Langit Dijunjung difahami sedalam-dalamnya oleh kakitangan kerajaan, apatah lagi di kalangan guru yang mempunyai kelebihan mencorak minda murid atau pelajar yang diajarnya sama ada untuk tahu 'berterima kasih kepada tangan yang menghulurkan mereka makanan atau membalasnya dengan najis'.

(END)